



**KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**KENYATAAN MEDIA
UNTUK SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA SIRI 6/2023**

**Prestasi Ekonomi Malaysia Bercampur-campur pada April 2023 Meskipun
Ketidaktentuan Ekonomi Global**

PUTRAJAYA, 27 JUN 2023 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia (MESR) Siri 6/2023**. Edisi kali ini memfokuskan pada statistik terkini yang dikeluarkan pada April 2023 dan beberapa statistik akan datang bagi bulan Mei 2023. Artikel bertajuk “Anggaran Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Awalan: Fasa Baharu Statistik Makroekonomi yang Lebih Bertepatan Masa” turut dimuatkan dalam edisi kali ini. Artikel tersebut menyingkap mengenai anggaran Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Awalan yang memberikan petunjuk awal prestasi ekonomi di samping menyediakan penggubal dasar dengan statistik yang bertepatan masa.

Menelusuri situasi ekonomi negara pada April 2023, Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) Malaysia mengalami penurunan, mencecah negatif 3.3 peratus berbanding positif 3.2 peratus yang direkodkan pada bulan sebelumnya. Penyusutan ini dipengaruhi oleh penguncupan semua sektor, dengan Perlombongan mencatatkan negatif 4.9 peratus berbanding 0.8 peratus pada Mac 2023, Pembuatan dengan negatif 3.0 peratus (Mac 2023: 4.1%), dan Elektrik dengan negatif 2.0 peratus (Mac 2023: 0.4%). Pada masa yang sama, nilai jualan sektor Pembuatan di Malaysia adalah RM145.0 bilion pada April 2023, mengalami penurunan 2.0 peratus selepas merekodkan pertumbuhan positif 8.0 peratus pada Mac 2023. Kemerosotan tersebut disumbangkan terutamanya oleh subsektor Makanan, minuman & tembakau (-12.7%), Kelengkapan pengangkutan & pembuatan lain (-4.9%) dan Petroleum, kimia, getah & plastik (-3.1%). Berbanding dengan bulan sebelumnya, nilai jualan menunjukkan penurunan negatif 7.2 peratus, berbanding dengan peningkatan 7.6 peratus seperti yang direkodkan pada Mac 2023.

Perdagangan Borong & Runcit Malaysia merekodkan jualan bulanan sebanyak RM136.0 bilion pada April 2023, tumbuh 6.3 peratus tahun ke tahun. Pertumbuhan positif

tersebut didorong oleh Perdagangan Runcit 12.9 peratus dan Perdagangan Borong 3.2 peratus. Dari segi indeks volum, Perdagangan Borong & Runcit mencatatkan 4.7 peratus tahun ke tahun kepada 147.3 mata. Kenaikan tersebut disokong oleh peningkatan dalam Perdagangan Runcit 10.0 peratus dan Perdagangan Borong 3.4 peratus.

Dari sudut harga, inflasi Malaysia mereda kepada 3.3 peratus pada April 2023 berbanding 3.4 peratus pada Mac 2023. Makanan & Minuman Bukan Alkohol (6.3%) dan Restoran & Hotel (6.6%) merupakan penyumbang utama kepada peningkatan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP) Malaysia. Walau bagaimanapun, prestasi sederhana bagi keseluruhan IHP didorong oleh peningkatan yang lebih perlahan dalam kumpulan Pengangkutan dengan 2.3 peratus (Mac 2023: 2.4%). Bagi prestasi IHP terkini yang tersedia iaitu Mei 2023, inflasi Malaysia terus mereda kepada 2.8 peratus, mencatatkan 130.2 mata. Dari perspektif harga pengeluar, Indeks Harga Pengeluar (IHPR) mengalami penurunan 3.0 peratus pada April 2023, selepas menyusut 2.9 peratus pada Mac 2023. Penurunan ini dipengaruhi terutamanya oleh penurunan dalam sektor Pertanian, perhutanan & perikanan dan Perlombongan. Di samping itu, IHPR terus menurun kepada negatif 4.6 peratus pada Mei 2023.

Melihat kepada prestasi perdagangan antarabangsa Malaysia, jumlah perdagangan Malaysia merosot 14.5 peratus daripada RM231.7 bilion pada April 2022 kepada RM198.0 bilion pada April 2023. Pertumbuhan negatif ini disumbangkan oleh penurunan dalam kedua-dua eksport dan import. Nilai eksport menyusut 17.4 peratus kepada RM105.4 bilion, manakala import menguncup 11.1 peratus kepada RM92.6 bilion. Lebihan dagangan juga menurun dengan ketara sebanyak 45.3 peratus berbanding tahun sebelumnya, mencecah RM12.8 bilion. Dari segi perbandingan bulanan, eksport, import, jumlah perdagangan dan lebihan perdagangan kesemuanya mengalami penurunan ketara, masing-masing jatuh 18.7 peratus, 10.1 peratus, 14.9 peratus dan 51.9 peratus. Melangkah ke Mei 2023, prestasi perdagangan Malaysia terus menunjukkan trend negatif, walaupun pada kadar yang lebih baik. Jumlah dagangan menyusut 2.0 peratus kepada RM223.8 bilion berbanding RM228.3 bilion pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Eksport menunjukkan sedikit penurunan 0.7 peratus kepada RM119.6 bilion, manakala import berkurang 3.3 peratus kepada RM104.2 bilion. Namun begitu, lebihan dagangan melonjak 21.4 peratus kepada RM15.4 bilion berbanding tahun sebelumnya.

Bagi situasi tenaga buruh semasa, bilangan penduduk bekerja pada April 2023 meningkat 2.5 peratus kepada 16.25 juta orang berbanding tempoh yang sama tahun lepas. Nisbah guna tenaga kepada penduduk, yang menunjukkan keupayaan ekonomi

untuk mewujudkan pekerjaan kekal pada 67.5 peratus pada bulan tersebut. Kadar pengangguran pada bulan April berada pada 3.5 peratus.

Keadaan ekonomi semasa mempamerkan kedua-dua cabaran dan peluang. Walaupun perdagangan antarabangsa dan pengeluaran perindustrian mengalami penurunan, terdapat perkembangan positif dalam pekerjaan dan pertumbuhan yang konsisten dalam sektor tertentu yang mempertingkatkan keyakinan di masa depan. Walau bagaimanapun, melihat ke hadapan, prospek ekonomi kekal tidak memberangsangkan apabila Indeks Pelopor (IP) Malaysia menurun 2.7 peratus, mencatatkan 108.4 mata pada April 2023 berbanding 111.4 mata pada tahun sebelumnya. Pada April, kadar pertumbuhan IP terlicin kekal di bawah arah aliran jangka panjang 100.0 mata untuk bulan ketujuh berturut-turut. Ini menunjukkan prospek ekonomi Malaysia yang mencabar dalam jangka masa terdekat dengan ketidakpastian ekonomi global semasa.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah *“Connecting the World with Data We Can Trust”*

DOSM akan mengeluarkan Anggaran KDNK Awalan bermula pada suku tahun kedua 2023. Anggaran awalan ini merupakan inisiatif yang dilaksanakan oleh DOSM untuk memberikan gambaran prestasi ekonomi empat (4) minggu awal sebelum KDNK Suku Tahunan dikeluarkan

Dikeluarkan oleh:

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
27 JUN 2023



**MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**MEDIA STATEMENT
FOR MALAYSIAN ECONOMIC STATISTICS REVIEW VOL. 6/2023**

***Malaysia Experiences Mixed Economic Performance in April 2023 Amidst
Global Economic Uncertainties***

PUTRAJAYA, 27TH JUNE 2023 – Today, the Department of Statistics, Malaysia (DOSM) released the Malaysian Economic Statistics Review (MESR) Vol. 6/2023. This edition focuses on the recent statistics released in April 2023 and some forthcoming statistics for May 2023. A box article titled "Quarterly Advance Gross Domestic Product (GDP) Estimates: A new chapter for a more timely macroeconomic statistics" is also included in this edition. It sheds insights on the Advance Gross Domestic Product (GDP) estimates which provide early indications on the economic performance and make available timely statistics for policymakers.

Looking at the country's economic situation in April 2023, Malaysia's Index of Industrial Production (IPI) experienced a decline, reaching a negative 3.3 per cent as compared to positive 3.2 per cent recorded in the previous month. This decrease was attributed to contractions across all sectors with Mining recorded negative 4.9 per cent as compared to 0.8 per cent in March 2023, Manufacturing with negative 3.0 per cent (March 2023: 4.1%), and Electricity at negative 2.0 per cent (March 2023: 0.4%). On the same note, the sales value of the Manufacturing sector in Malaysia was RM145.0 billion in April 2023, experiencing a decline of 2.0 per cent after a positive growth of 8.0 per cent in March 2023. The decrease was primarily backed by Food, beverages & tobacco (-12.7%), Transport equipment & other manufacturers (-4.9%), and Petroleum, chemical, rubber, & plastics (-3.1%) sub-sectors. When compared to the previous month, the sales value saw a negative 7.2 per cent decline, in contrast with the 7.6 per cent increase observed in March 2023.

Malaysia's Wholesale & Retail Trade recorded monthly sales of RM136.0 billion in April 2023, a growth of 6.3 per cent year-on-year. The positive growth was contributed by Retail Trade 12.9 per cent and Wholesale Trade 3.2 per cent. In terms of volume index, Wholesale & Retail Trade registered 4.7 per cent year-on-year to record 147.3 points.

The increment was supported by the increase in Retail Trade 10.0 per cent and Wholesale Trade 3.4 per cent.

In view of prices, Malaysia's inflation eased to 3.3 per cent in April 2023 as against 3.4 per cent in March 2023. Food & Non-Alcoholic Beverages (6.3%) and Restaurants & Hotels (6.6%) contributed the most to the increase in Malaysia's Consumer Price Index (CPI). However, the softening of the overall CPI performance was attributed to the slower increase in the Transport group with 2.3 per cent (March 2023: 2.4%). In regard to the latest available May 2023 CPI performance, the Malaysia's inflation eased further to 2.8 per cent, registering 130.2 points. From the perspective of producer price, the Producer Price Index (PPI) experienced a 3.0 per cent decline in April 2023, following a 2.9 per cent drop in March 2023. The decrease was mainly influenced by the declines in the Agriculture, forestry & fishing and the Mining sectors. In addition, the PPI further decreased to negative 4.6 per cent in May 2023.

Looking at the performance of Malaysia's international trade, Malaysia's total trade dropped 14.5 per cent from RM231.7 billion in April 2022 to RM198.0 billion in April 2023. This negative growth was attributed to decreases in both exports and imports. Export value declined 17.4 per cent to RM105.4 billion, while imports decreased by 11.1 per cent to RM92.6 billion. The trade surplus also fell significantly by 45.3 per cent as compared to the previous year, reaching RM12.8 billion. On monthly comparison, exports, imports, total trade, and trade surplus all experienced notable declines of 18.7 per cent, 10.1 per cent, 14.9 per cent, and 51.9 per cent, respectively. Moving to May 2023, Malaysia's trade performance continued to show a negative trend, albeit at a better rate. Total trade decreased 2.0 per cent to RM223.8 billion as against RM228.3 billion in the same month of the previous year. Exports saw a slight decline of 0.7 per cent to RM119.6 billion, while imports decreased 3.3 per cent to RM104.2 billion. However, the trade surplus grew 21.4 per cent to RM15.4 billion as compared to the previous year.

On the latest labour force situation, the number of employed persons in April 2023 inched up 2.5 per cent to record 16.25 million persons, as compared to the same period last year. The employment-to-population ratio, which indicates the ability of an economy to create employment, remained at 67.5 per cent during the month. The unemployment rate in April stood at 3.5 per cent.

The present state of the economy encompasses both challenges and opportunities. While international trade and industrial production experienced declines, there were positive development in employment and consistent growth in specific sectors that generated optimism for the future. However, looking forward, the economic prospect remains unfavourable as the Leading Index (LI) for Malaysia decreased 2.7 percent, reporting

108.4 points in April 2023 from 111.4 points the year before. In April, the growth rate of the smoothed LI remained below the long-term trend of 100.0 points for the seventh consecutive month. This indicates Malaysia's challenging economic outlook in the near term coupled with the current global economic uncertainties.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

Please be informed that the Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Connecting the World with Data We Can Trust”.

DOSM will release the Advance GDP Estimates beginning in the second quarter of 2023. These advance estimates are an initiative by DOSM to provide an overview of the economic performance four (4) weeks prior to the release of Quarterly.

Released by:

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
27 JUNE 2023